

Headline	Emkay teroka pasaran khusus
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	04 Jan 2016
Section	Ekonomi
Page No	15
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Emkay teroka pasaran khusus

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

■ CYBERJAYA 3 JAN.

EMKAY Group Bhd., bakal memberi fokus kepada kekuatan pasaran hartanah yang khusus dalam berdepan cabaran ketidakpastian ekonomi semasa pada 2016.

Ketua Pegawai Operasinya, Mazrita Mazlan berkata, syarikat perlu melihat potensi negara yang mempunyai keperluan pasaran berbeza bagi berupaya menawarkan pelbagai pilihan portfolio hartanah.

Katanya, antara pasaran khusus yang dimaksudkan termasuk projek pembinaan perumahan mewah atau rumah mampu milik yang menyasarkan dua kumpulan begitu berbeza.

Ujar beliau, Emkay Group akan melaksanakan kajian pasaran dengan teliti terhadap potensi pasaran tersebut dan dalam masa sama mencari kawasan yang bersesuaian.

Tambahnya, syarikat telah mengenal pasti beberapa bidang tanah di lokasi menarik, namun masih belum memperolehnya lagi.

"Meskipun pasaran hartanah pada 2016 diunjur perlahan disebabkan beberapa faktor, Emkay Group tidak hanya akan berdiam sebaliknya mencari jalan untuk kekal kompetitif.

"Kami akan melancarkan kira-kira dua projek pada tahun ini dan yakin ia mampu meraih sambutan



ANTARA projek pembangunan Emkay Group di Cyberjaya. - UTUSAN/AMIR KHALID

sekali gus menjana hasil jualan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Sejak bertahun-tahun, Emkay Group membangunkan hartanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM10 bilion yang terdiri daripada lebih 50,000 unit hartanah kediaman dan komersial.

Berdasarkan projek yang telah dibangunkan Emkay Group sejak 1983 sehingga 2014, sebanyak 85 peratus daripadanya terletak di Cyberjaya, Pulau Banding,

Perak (10 peratus) dan Damansara, Petaling Jaya (lima peratus).

Antara projek berkenaan termasuk pembangunan bercampur, resort, pejabat, komersial, perindustrian, kediaman dan kedai pejabat. Sementara itu, Pengarah Eksekutif Kumpulan Emkay, Datuk Fazwinna Mustapha Kamal berkata, persekitaran ekonomi ketika ini diakui memberi impak kepada pemain industri lebih-lebih lagi bakal pembeli.



FAZWINNA



Portfolio hartanah Emkay Group (1983 - 2014)



Lokasi projek pembangunan 2016



MAZRITA MAZLAN